

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 11 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 31**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1543-L15346  
**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan bercadang untuk menjadikan Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang bertanggungjawab mengajar pendidikan Islam seperti membaca Al-Quran, doa, akidah, dan akhlak daripada status perjawatan seperti *contract for service (CFS)* kepada jawatan tetap dan bukan kontrak.
2. PN-1543-L14972  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional di sebalik pelaksanaan BUDI95 yang menetapkan harga RM1.99 bagi 300 liter pertama dan kembali kepada harga apungan RM2.60 bagi penggunaan melebihi 300 liter, berbanding penetapan harga berperingkat seperti RM2.10 atau RM2.30.
3. PN-1543-L15012  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-
  - (a) statistik terkini pengguna berdaftar dan juga jumlah aduan yang telah didaftarkan dalam inisiatif Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN); dan
  - (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan dan membangunkan Sistem Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) supaya berfungsi sebagai medium *whistleblower* yang lebih efektif dalam menangani isu diskriminasi yang menjejaskan perpaduan negara.

4. PN-1543-L15455  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan dan inisiatif Kementerian bagi menggalakkan penglibatan OKU dalam aktiviti riadah, rekreasi dan perkhemahan, termasuk menaik taraf kemudahan dan tapak perkhemahan supaya mesra OKU selaras dengan prinsip sukan untuk semua.
5. PN-1543-L14899  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
  - (a) apakah dasar yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengawal selia pengambilan guru-guru baharu yang mempunyai ikhtisas dan tanpa ikhtisas; dan
  - (b) adakah jumlah graduan pendidikan ini bertepatan dengan permintaan jawatan guru-guru di sekolah.
6. PN-1543-L15272  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan data terkini kes keganasan dan gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak dan penjaga dan usaha Kementerian dalam memberikan bantuan sokongan dan pencegahan.
7. PN-1543-L15433  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah dan usaha konkrit yang diambil oleh Kerajaan di peringkat antarabangsa bagi memastikan Israel dikenakan tindakan sewajarnya di bawah undang-undang antarabangsa atas pelanggaran berterusan terhadap perjanjian gencatan senjata dan jenayah terhadap penduduk Palestin.
8. PN-1543-L15487  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes pendaftaran kanak-kanak tanpa dokumen yang telah diterima dan diselesaikan bagi tahun 2024 dan 2025.
9. PN-1543-L14699  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan pelan dan inisiatif Kementerian untuk merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar di Sarawak serta antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi.

10. PN-1543-L15294  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada kajian separuh penggal Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023-2030 (PTMBM) telah dijalankan dan, jika ya, apakah pencapaian setakat ini.
11. PN-1543-L14731  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peratusan kadar penempatan guru baharu di pedalaman Sarawak dan jumlah kekosongan yang belum diisi setakat pertengahan tahun ini.
12. PN-1543-L15147  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan status pelaksanaan Pelan Ekonomi Digital bagi kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah dan bilakah pelaksanaannya dijangka akan disiapkan.
13. PN-1543-L14862  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membantu universiti awam di seluruh Malaysia agar mempunyai dana dan peruntukan kewangan yang secukupnya pada waktu ini.
14. PN-1543-L14827  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuhkan ketelusan fiskal melalui pelaksanaan *open budget initiative* atau penilaian bebas terhadap keberkesanan perbelanjaan awam.
15. PN-1543-L15106  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai perundangan lapuk di bawah Kementerian yang wajar disemak semula, dan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan berserta garis masa bagi memastikan kebersediaan maksimum Malaysia mendepani cabaran negara menua yang kritikal ini.

16. PN-1543-L15262  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status Injunksi Erinford yang dimohon terhadap saluran telegram Edisi Siasat dan Edisi Khas dan sejauh mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertindak untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap ketelusan operasi Kerajaan terutamanya melibatkan maklumat sulit dan sensitif.
17. PN-1543-L15073  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah keseluruhan pelancong asing yang telah memasuki Malaysia sejak pelaksanaan dasar bebas visa pada tahun 2024, serta berapa ramai daripada mereka yang tidak keluar atau dilaporkan hilang selepas tamat tempoh lawatan.
18. PN-1543-L15247  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan konkrit Kementerian untuk memastikan pasar awam seperti Pasar Chow Kit mematuhi standard kebersihan moden, memandangkan banyak laporan menunjukkan longkang tersumbat, sisa daging/ikan bersepah, dan peniaga tidak berlesen yang masih aktif.
19. PN-1543-L15138  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan Kementerian dalam membangunkan kurikulum serta bahan pengajaran yang disesuaikan dengan kompetensi pembelajaran, latar budaya dan persekitaran kehidupan anak-anak Orang Asli, termasuk penyediaan kurikulum dan teks Bahasa Melayu yang lebih relevan di sekolah-sekolah yang melibatkan komuniti tersebut.
20. PN-1543-L14866  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam memastikan negara kita tidak ketinggalan dalam sektor aeroangkasa terutamanya melibatkan pembangunan program angkasa lepas pada masa akan datang.
21. PN-1543-L15150  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memperluas kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sesuai dengan keperluan industri di Sarawak.

22. PN-1543-L15451

**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah kekurangan guru pendidikan khas di seluruh negara, termasuk pelan jangka panjang bagi memperkukuh latihan perguruan dalam bidang pendidikan khas, penempatan guru mengikut keperluan sebenar murid OKU, serta penilaian semula terhadap beban tugas guru pendidikan khas di sekolah-sekolah arus perdana.

23. PN-1543-L15480

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah projek penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang telah dilaksanakan antara Januari hingga November 2025, dan berapa jumlah unit rumah yang telah siap diselenggara.

24. PN-1543-L15378

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan benarkah Kementerian menyalurkan peruntukan RM15 juta kepada Pasukan Bola Sepak Kebangsaan dan tambahan RM15 juta lagi melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC), serta adakah sumbangan dan sokongan kewangan seumpama ini akan diteruskan pada masa hadapan.

25. PN-1543-L15114

**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan hasil Kajian Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan termasuk Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang dilaksana oleh Sekretariat Rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan (PRBBP).

26. PN-1543-L15229

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mewujudkan garis panduan penggunaan telefon bimbit di sekolah serta mekanisme sekatan umur terhadap akses permainan dalam talian bagi memastikan murid bawah umur tidak terdedah kepada kandungan yang boleh mempengaruhi tingkah laku agresif dan menjejaskan disiplin.

27. PN-1543-L15074

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Pusat Mediasi MADANI, terutamanya dari segi skop dan bidang kuasa serta bajet kewangan yang telah diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaannya.

28. PN-1543-L15105  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tahap capaian sistem komunikasi di kawasan hutan serta pergunungan di Malaysia, dan apakah pertimbangan Kementerian untuk membangunkan sistem komunikasi dan keselamatan di kawasan berkenaan yang menjadi tumpuan aktiviti rekreasi serta pelancongan.
29. PN-1543-L15255  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dapatan terkini mengenai ketagihan judi dalam talian dalam kalangan belia, termasuk bilangan kes, isu kesihatan mental yang berkaitan, serta kesan sosial yang dilaporkan oleh institusi kesihatan atau pertubuhan bukan Kerajaan.
30. PN-1543-L15342  
**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi menambah baik penyertaan belia dalam perundingan dasar melalui platform seperti Parlimen Belia.
31. PN-1543-L14877  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperluas pelaksanaan sistem MyKasih kepada peniaga kecil dan kedai runcit tempatan bagi memastikan manfaat bantuan SARA turut dinikmati komuniti luar bandar.
32. PN-1543-L14891  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mengguna pakai teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah agar suasana interaktif dapat diwujudkan sekaligus memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kemajuan teknologi tersebut.
33. PN-1543-L15307  
**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan persatuan dan kelab sukan yang didaftarkan sehingga November 2025 dan apakah usaha yang dilakukan Kerajaan untuk memastikan aspek pembangunan sukan melalui persatuan dan kelab ini dapat memajukan pembangunan sukan di Malaysia.

34. PN-1543-L15008  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan MADANI bersedia untuk mengkaji semula dan meminda Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 bagi membolehkan pelantikan Ahli Majlis untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
35. PN-1543-L15189  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim bantuan sewa atau subsidi sewa khusus kepada mahasiswa daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) yang tidak mendapat tempat di asrama dalam kampus, sebagai langkah jangka panjang bagi meringankan beban kos sara hidup mereka.
36. PN-1543-L14805  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah daif di Sabah yang akan dibaik pulih pada tahun 2026.
37. PN-1543-L15394  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah dan pendekatan Kerajaan dalam menangani isu perkahwinan masyarakat Orang Asli dengan warga asing tanpa dokumen sah, serta kesan terhadap pendaftaran dan status anak-anak yang dilahirkan.
38. PN-1543-L15398  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca penurunan ketara dalam anggaran semula Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2025 kepada RM80 bilion berbanding RM86 bilion seperti yang diumumkan dalam Belanjawan asal.
39. PN-1543-L14782  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapat mekanisme yang jelas untuk Kementerian campur tangan atau memberi garis panduan apabila terdapat persatuan sukan bermasalah dari segi kepimpinan atau kewangan.
40. PN-1543-L14993  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Sekolah Pekan Nabalau dan Sekolah Tenghilan 2 di Sabah yang telah lama tertangguh, termasuk sebab kelewatan, tarikh pelaksanaan semula dan jumlah peruntukan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

41. PN-1543-L14844  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan Akta Keselamatan Identiti Digital Kebangsaan (*National Digital Identity Security Act*) bagi mengawal selia keselamatan data peribadi selaras dengan peningkatan ancaman siber masa kini.
42. PN-1543-L14806  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bilangan menara komunikasi baharu yang akan dibina di Sabah di bawah Pelan JENDELA Fasa 2.
43. PN-1543-L15049  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sumber kewangan dan janaan pendapatan pelaburan bagi membiayai bantuan haji bersasar pada Musim Haji 2026.
44. PN-1543-L15065  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesan peningkatan buli di sekolah selain kes bunuh dan minum racun di sekolah serta langkah masa pendek dan panjang yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah ini.
45. PN-1543-L14798  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengembalikan satu pertiga daripada jumlah kerusi Parlimen untuk Sarawak dan Sabah seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).
46. PN-1543-L14698  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pemotongan subsidi dan reformasi perbelanjaan mampu meningkatkan kecekapan kewangan negara serta memastikan bantuan disasarkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan sahaja.
47. PN-1543-L14991  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan, melalui Jabatan Perdana Menteri, bagi memperkukuh kerjasama pembangunan dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam mempercepat pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030) pada peringkat daerah seperti Tuaran.

48. PN-1543-L15045

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar, termasuk usaha memperkukuh tenaga pengajar, memperluas capaian internet dan kemudahan digital, serta menambah baik kemudahan fizikal sekolah bagi memastikan kesamarataan peluang pendidikan dengan kawasan bandar.

49. PN-1543-L14914

**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perluasan skim sewa untuk beli (*rent to own*) rumah oleh pihak bank khususnya di Selangor.

50. PN-1543-L14928

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah bagi memastikan pengawalan dan kestabilan harga barang keperluan asas terus terjamin terutama menjelang musim perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

51. PN-1543-L15436

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sistem *dashboard* dalam memantau projek-projek pembangunan di Semenanjung Malaysia dan Sabah memandangkan sistem ini sedang dibangunkan di Sarawak bagi meningkatkan ketelusan, kecekapan dan kawalan terhadap pelaksanaan projek Kerajaan.

52. PN-1543-L15084

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan kadar pematuhan syarikat-syarikat platform media sosial terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kes-kes perjudian dan penipuan.

53. PN-1543-L15412

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar program Matrikulasi yang memperoleh markah kokurikulum dalam julat 9.01 (10%), 8.0 (9%), 7.01 (8%), 6.01 (7%), 5.01 (6%) dan ke bawah bagi tahun 2025, 2024, 2023 dan 2022.

54. PN-1543-L15200

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada FELDA telah berjaya memperbaiki kedudukan kewangan dan mengurangkan kerugian seperti yang dicatat pada laporan tahun 2021 dan bilakah laporan tahunan bagi tahun 2022 serta 2023 akan diterbitkan kepada umum.

55. PN-1543-L15335

**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk memperluas pelaksanaan SARA daripada penggunaan MyKad sahaja kepada platform e-wallet bagi membolehkan lebih banyak kedai tempatan turut serta dan memastikan manfaat program ini lebih meluas kepada rakyat serta peniaga kecil di seluruh negara.

56. PN-1543-L15301

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini cadangan pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 yang bertujuan memberikan peruntukan lebih jelas dan tegas, terutama berkaitan penguatkuasaan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam sektor pentadbiran, undang-undang, pendidikan, media, dan tempat awam.

57. PN-1543-L14717

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status penambahan kerusi DUN di Sarawak yang telah dibawa ke Kerajaan Persekutuan untuk tindakan lanjut seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

58. PN-1543-L14794

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes dadah yang telah direkodkan, serta berapakah jumlah penagih dadah yang telah ditahan dan dihukum melalui Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Meradong dan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah Sarikei pada tahun 2023 hingga 2025.

59. PN-1543-L14727

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan Kementerian di Sarawak sepanjang tahun 2024 hingga 2025, serta hasil tindakan terhadap kesalahan seperti penyorokan barang, penipuan timbangan dan pelanggaran harga kawalan.

60. PN-1543-L14756

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah pendirian rasmi Kerajaan terhadap usaha mengantarabangsakan Pemikiran MADANI sebagai model pembangunan seimbang antara kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Pusat Kajian Global MADANI untuk mempromosikan konsep ini pada peringkat antarabangsa.

61. PN-1543-L15372

**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kesilapan komunikasi rasmi semasa Sidang Kemuncak ASEAN, termasuk kesilapan oleh agensi media rasmi negara; dan
- (b) apakah strategi komunikasi Kerajaan bagi memastikan keyakinan awam dan imej diplomatik dapat dipulihkan dan diperkukuh di era media digital yang pantas tersebar.

62. PN-1543-L15163

**Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah purata peruntukan kewangan yang telah disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berbanding Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bagi kategori Bangunan Tambahan, ICT dan Penyelenggaraan, dan nyatakan bilangan SJKT yang telah menerima bantuan di bawah Program Pembaikpulihan Tandas Sekolah (SBM) bagi tahun 2024 hingga 2025.

63. PN-1543-L15445

**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tajaan mengikut bidang pengajian dan bilangan Pelajar Cemerlang Lepas SPM di IPTA Tempatan dan Luar negara pada 2025 serta sejauh mana prestasi kutipan semula pembiayaan pelajaran tinggi agar tabung pembiayaan tahunan lebih mapan dan berdaya maju menaja pelajar baharu.

64. PN-1543-L14776

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan bahawa dana atau peruntukan yang diberikan benar-benar sampai dan digunakan di kawasan luar bandar serta kawasan sempadan, iaitu kawasan yang paling berisiko atau paling memerlukan bantuan.

65. PN-1543-L14726

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bajet yang diperuntukkan untuk Sarawak, khususnya bagi Daerah Saratok dan Kabong di bawah Kementerian pada tahun 2026.

66. PN-1543-L15340

**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 termasuk proses penggubalan Peraturan-peraturan Kecil (subsidiary regulations) dan penubuhan Majlis Perkhidmatan Parlimen.

67. PN-1543-L15527

**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah insentif yang akan diberikan oleh Kerajaan bagi memperkukuh Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) ke arah hab kewangan islam digital.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R.30/2025) Rang Undang-undang Perbekalan 2026 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.**  
**[ 10 Disember 2025 ]**  
**[ Menteri Kewangan ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
2. (D.R.38/2025) Rang Undang-undang Kewangan 2025  
**[ Menteri Kewangan ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
4. (D.R.35/2025) Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025  
**[ Menteri Sumber Manusia ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
5. (D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025  
**[ Menteri Sumber Manusia ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**
6. (D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025  
**[ Jabatan Perdana Menteri ]**  
**Bacaan Kali Yang Kedua**

7. (D.R.32/2025) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Sumber Manusia ]**
8. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Sumber Manusia ]**
9. (D.R.39/2025) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
10. (D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Perpaduan Negara ]**
11. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Komunikasi ]**

- |                   |   |                               |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 12. (D.R.42/2025) | Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|                   | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>             |                               |
| 13. (D.R.43/2025) | Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|                   | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>             |                               |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
D.N.7/2025	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	11 Disember 2025